



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KRISIS AIR GLOBAL TIDAK KENAL SEMPADAN: MALAYSIA GESA KERJASAMA SEGERA PERINGKAT ANTARABANGSA

PARIS, 13 Mei 2025 – Malaysia menggesa komuniti antarabangsa untuk memperkukuhkan kerjasama dalam menangani krisis air global - satu cabaran merentas sempadan yang memberi kesan kepada semua negara tanpa mengira negara kaya atau miskin. Perkongsian strategik dan tindakan polisi yang selaras adalah keutamaan dalam menjamin masa depan air yang mampan dan berdaya tahan untuk semua.

Dalam perkongsian pengalaman Malaysia di Sidang Kemuncak Air Global 2025 di Paris, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof berkata sudah tiba masanya bagi masyarakat global mengiktiraf air sebagai sumber yang sangat berharga untuk kelangsungan hidup dan pembangunan manusia.

Ketika berucap di Sesi Pembukaan Plenari: "*Delivering the Economics Of Water*" hari ini, Dato' Sri Fadillah menyatakan air merupakan nadi kehidupan planet yang menyatukan masyarakat global dalam satu tanggungjawab bersama justeru krisis air global yang merentasi sempadan dan ekonomi, menuntut kerjasama segera.

Berkongsi pendekatan progresif negara dalam pengurusan air yang mampan, Dato' Sri Haji Fadillah, menekankan kejayaan dan pengajaran yang diperoleh, mengesahkan komitmen Malaysia untuk menawarkan kepakarannya sebagai model bagi negara-negara yang menghadapi isu keselamatan air yang sama.

Dato' Sri Haji Fadillah juga menggariskan pencapaian utama dalam perjalanan pengurusan air Malaysia, menekankan pembaharuan yang telah mengubah negara daripada tadbir urus negeri yang berpecah ke arah perkongsian persekutuan dan negeri yang lebih bersepadu. Beliau menekankan usaha berterusan Malaysia dalam mengurus permintaan yang semakin meningkat, termasuk kesan perbandaran, perubahan iklim, dan penggunaan air oleh industri.

Intipati Utama daripada Agenda Transformasi Sektor Air Malaysia 2040:

1. **Mengubah Perspektif Air** - Malaysia kini memberi tumpuan kepada pengurusan air sebagai sumber yang sangat bernilai dan terhad. Malaysia kini mempercepatkan kemajuan dalam sistem pengurusan air pintar serta melaksanakan program geran padanan untuk mengurangkan air tidak berhasil (NRW) dengan pembiayaan bersama oleh kerajaan persekutuan.
2. **Memperkukuh Kerjasama Sektor Swasta** - Malaysia menggalakkan pelaburan sektor swasta untuk memacu inovasi dalam pengurusan air. Dasar baharu membuka peluang untuk penyertaan yang lebih besar dalam inisiatif hijau, pemulihan air, dan penggunaan sumber tenaga alternatif dalam infrastruktur air.
3. **Kesediaan Proaktif terhadap Perubahan Iklim** - Malaysia memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dengan meningkatkan kecekapan ramalan banjir, data pemodelan yang lebih canggih dan perancangan berdasarkan senario untuk membuat persiapan dan ramalan lebih baik kepada kejadian cuaca ekstrem.

Dato' Sri Fadillah turut menyatakan peranan aktif Malaysia dalam usaha serantau, khususnya di peringkat ASEAN, sambil menghulurkan jemputan kepada pencipta inovasi global untuk melabur serta bekerjasama dalam teknologi air generasi baharu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, Encik Narendran Maniam menyatakan bahawa pemulihan sumber telah beralih daripada langkah "budi bicara" kepada keperluan dasar. Ini didorong oleh keperluan mendesak untuk meningkatkan daya tahan alam sekitar serta memastikan pengurusan sumber yang lebih lestari, biarpun ketika dilanda tekanan ekonomi dan ekologi yang semakin meningkat. Narendran menambah bahawa bagi IWK, pemulihan sumber telah berkembang daripada sesuatu yang "baik untuk dimiliki" kepada

satu keperluan penting, dengan memberi tumpuan kepada tiga pemacu utama:

1. **Komitmen terhadap Kelestarian Alam Sekitar** - IWK berdedikasi untuk mengurangkan jejak karbon dan pelepasan gas, mengurangkan sisa buangan, dan mencipta kesan positif terhadap alam sekitar melalui semua usahanya.
2. **Mengubah Landskap Perkhidmatan Utiliti** - dengan menjadi "sumber atau paip kedua" untuk negara. Selaras dengan pertumbuhan pesat negara untuk hab serantau bagi pusat data, ia membuka peluang unik untuk IWK menyokong kelestarian industri pusat data Malaysia melalui bekalan air terawat.
3. **Nilai Ekonomi dan Kelestarian Kewangan.**

Selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar dalam tadbir urus dan pembangunan negara, Kerajaan Malaysia kekal komited dalam memupuk amalan pengurusan air mampan melalui inovasi berterusan, perkongsian strategik dan penyelesaian global secara bersama.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
13 MEI 2025